

**PENGGUNA DAFTAR DAN PATUHI JADUAL PERJALANAN
DIGITAL MY-TTA DEEPAVALI MENANG BAUCAR BELI-BELAH
RM1,000 SETIAP SEORANG**

- PLUS tawar peluang sama untuk My-TTA Krismas & Cuti Hujung Tahun

Petaling Jaya, 22 Disember 2023:- Seramai 15 pemenang utama telah memenangi baucar beli-belah berjumlah RM1,000 setiap seorang, manakala 100 pemenang yang lain telah menerima 8,800 Mata Ganjaran PLUSMiles setiap satu sempena kempen Program Rintis My-TTA yang baru diperkenalkan pada sambutan perayaan Deepavali yang lalu. Kempen My-TTA ini bertujuan untuk menggalakkan orang ramai supaya merancang dan mematuhi jadual perjalanan dengan menawarkan hadiah keseluruhan bernilai sehingga RM20,000.



115 orang pemenang ini merupakan pengguna Lebuhraya PLUS yang dipilih berdasarkan kriteria antaranya telah mendaftar untuk menyertai kempen, membuat dan mematuhi perjalanan berdasarkan waktu perjalanan yang telah dipilih seperti yang disarankan oleh My-TTA di dalam Aplikasi PLUS. Mata Ganjaran PLUSMiles yang diterima oleh setiap pemenang boleh ditebus dengan pelbagai jenis baucar bernilai RM50 antaranya daripada AEON, Touch 'n Go eWallet, Giant, Lotus's dan sebagainya.

KENYATAAN MEDIA



Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang My-TTA Deepavali telah berlangsung di Persada PLUS baru-baru, di mana mereka menerima hadiah masing-masing daripada Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar.



Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad, Datuk Nik Airina Nik Jaffar berkata, "My-TTA yang diperkenalkan adalah inisiatif digital yang berteraskan penganalisaan data dan informasi trafik bagi memudahkan pengguna lebuh raya merangka pilihan waktu perjalanan mengikut



Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

perancangan dan keperluan pengguna sendiri. Platform ini yang terdapat di dalam Aplikasi PLUS bertujuan untuk meningkatkan keselesaan perjalanan pengguna secara keseluruhan.”

“Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pengguna lebuh raya pada cuti perayaan Deepavali dan Krismas kali ini, pihak PLUS bercadang menambah baik My-TTA ini sebelum pelancaran secara menyeluruh pada musim perayaan Tahun Baharu Cina yang akan datang,” tambah beliau.

Bersempena cuti perayaan Krismas dan Tahun Baharu akan datang, PLUS amat menggalakkan pengguna lebuh raya supaya merancang perjalanan mereka dengan memilih waktu perjalanan untuk mula memasuki lebuh raya berdasarkan plaza tol masuk dan plaza tol keluar sepetimana yang tertera pada fungsi My-TTA di dalam Aplikasi PLUS.

Menurut salah seorang pemenang utama My-TTA Deepavali, Kaaleswaaran A/L Krishnan dari Cheras, “Saya sangat teruja kerana bukan sahaja saya dapat merancang perjalanan balik kampung dengan lebih mudah dan lancar sempena perayaan Deepavali baru-baru ini, malah saya juga berpeluang memenangi hadiah menarik yang ditawarkan oleh PLUS.”

Sementara itu seorang lagi pengguna lebuh raya, Tang Joo Peoh pemenang utama My-TTA Deepavali, berkongsikan tentang pengalamannya menggunakan My-TTA dalam Aplikasi PLUS bagi merancang percutian sempena hari perayaan. Beliau berkata, “Apabila saya bercuti bersama keluarga menggunakan Lebuhraya PLUS, ia memudahkan saya merancang perjalanan dengan menggunakan My-TTA untuk memastikan perjalanan kami sekeluarga lancar dan sampai ke destinasi pada jangka waktu yang disasarkan.”

Menerusi inisiatif yang dianjurkan seperti ini, pengguna yang mematuhi My-TTA seperti yang telah disarankan berpeluang memenangi ganjaran yang menarik sebagai tanda penghargaan PLUS di atas sokongan inisiatif ini, selain menggalakkan penyertaan daripada pengguna lebuh raya atas usaha-usaha yang dijalankan untuk penambahbaikan. PLUS secara berterusan akan memperkenalkan inisiatif-inisiatif terbaru untuk meningkatkan tahap perkhidmatan lebuh raya kami bagi memberikan pengalaman perjalanan yang lebih baik kepada pengguna lebuh raya selari dengan era digital masa kini.

-TAMAT-